



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

FOTOTERAPI ULTRAUNGU B “NARROWBAND”

1. Apakah cahaya ultraviolet B (UVB)?

Cahaya Ultraviolet B (UVB) adalah jenis fototerapi yang paling biasa digunakan untuk merawat pelbagai penyakit kulit, termasuk psoriasis, ekzema dan gatal-gatal. Anda akan terdedah kepada cahaya UV bertenaga tinggi ini untuk tempoh yang berbeza-beza. Rawatan ini bukan penawar tetapi boleh mengawal atau memperbaiki penyakit anda. Pesakit telah berjaya menggunakan rawatan ini selama bertahun-tahun dan sering dapat mengekalkan keadaan kulit yang baik untuk jangka masa panjang.

2. Berapa lama tempoh rawatan yang dijalankan?

Setiap keadaan dan pesakit berbeza dari segi bilangan sesi rawatan yang diperlukan setiap minggu dan masa yang diperlukan untuk mencapai kulit yang cerah. Kebanyakan pesakit pada mulanya memerlukan tiga hingga lima sesi rawatan setiap minggu untuk menghilangkan lesi kulit mereka. Biasanya, rawatan bermula dengan pendedahan cahaya untuk hanya beberapa saat dan ditingkatkan secara beransur-ansur seperti yang ditentukan oleh kakitangan. Ia mungkin mengambil masa 15-25 rawatan atau lebih lama untuk menambahbaik penyakit anda. Tidak semua pesakit akan mencapai kulit yang cerah sepenuhnya. Ramai pesakit akan mencapai remisi dan kemudian boleh menghentikan rawatan.

3. Apakah manfaat fototerapi?

- Penambahbaikan lesi-lesi yang sedia ada.
- Pengurangan lesi-lesi baru.
- Remisi - dalam banyak kes fototerapi telah menghasilkan kulit yang hampir cerah. Tempoh remisi ini berbeza dengan setiap pesakit. Terapi penyelenggaraan mungkin diperlukan.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sumber maklumat sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan diagnosis dan rawatan profesional. Sila rujuk kepada doktor anda sebelum membuat apa-apa keputusan kesihatan atau mendapatkan panduan tentang penyakit tertentu.



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

FOTOTERAPI ULTRAUNGU B “NARROWBAND”

4. Apakah risiko dan kesan sampingan fototerapi?

- Kesan sampingan terapi ini yang paling biasa adalah selaran matahari yang disebabkan oleh UVB. Ini boleh berlaku pada bila-bila masa selama tempoh rawatan. Ubat-ubatan tertentu juga boleh menyebabkan anda mengalami selaran matahari. Sila beritahu doktor / jururawat anda tentang ubat-ubatan yang anda ambil, atau ubat baru yang dimulakan semasa menjalani terapi.
- Mana-mana jenis cahaya UV boleh menyebabkan peningkatan insiden kanser kulit boleh terjadi dalam sesetengah pesakit pada masa hadapan, biasanya hanya dengan banyak sesi rawatan cahaya UV.
- Rawatan UV boleh menyebabkan kulit kering dan gatal-gatal.
- Rawatan UV boleh menyebabkan penuaan kulit dan boleh meningkatkan jeragat dan pigmentasi kulit.
- Sinar UV boleh merosakkan mata dan meningkatkan risiko katarak. Ini boleh dicegah dengan cermin mata “goggle” perlindungan yang dipakai semasa rawatan. Ini akan diberikan kepada anda dan dikehendaki untuk rawatan.
- Cahaya UV boleh menyebabkan demam, lepuh dan sakit mulut pada orang yang mempunyai kecenderungan tersebut .
- Pendedahan UV jangka panjang ke kawasan kemaluan lelaki yang tidak dilindungi boleh menyebabkan peningkatan dalam kanser kemaluan. Oleh itu, semua lelaki perlu memakai seluar dalam semasa dalam kotak cahaya.
- Cahaya UV boleh menyebabkan keadaan perubatan lain yang sensitif terhadap gelombang UV menjadi buruk, seperti “lupus erythematosus”.

5. Bagaimana rawatan dijalankan?

Ultraviolet B (UVB) fototerapi melibatkan seseorang pesakit berdiri dalam kotak cahaya, iaitu kubikel tertutup yang dikelilingi dengan lampu ultraviolet (ultraungu). Anda tidak akan dikunci ke dalam kabinet cahaya. Anda boleh membuka pintu dan keluar pada bila-bila masa semasa rawatan. Pada mulanya, sesi rawatan boleh berlangsung selama kira-kira 20 saat. Masa rawatan akan meningkat secara beransur-ansur, bergantung kepada toleransi pesakit dan penyakit kulit yang dirawat. Jika anda menggunakan unit tangan-dan-kaki, anda akan diminta untuk mengambil kedudukan yang bersesuaian di mesin tersebut.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sumber maklumat sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan diagnosis dan rawatan profesional. Sila rujuk kepada doktor anda sebelum membuat apa-apa keputusan kesihatan atau mendapatkan panduan tentang penyakit tertentu.



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

FOTOTERAPI ULTRAUNGU B “NARROWBAND”

6. Sila ikut panduan di bawah untuk memastikan pengalaman rawatan lancar dan produktif:

- Lelaki dikehendaki memakai seluar dalam semasa di dalam kotak cahaya. Perempuan akan menanggalkan baju sepenuhnya untuk rawatan mereka kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor mereka.
- Anda akan diberikan sepasang cermin mata “goggle” pelindung. Anda dikehendaki memakainya semasa pendedahan cahaya.
- Semasa anda berada dalam kabinet cahaya, berdiri di tengah-tengah pada postur yang normal. Lampu-lampu berada di semua panel plus kepingan reflektor, yang menyebarkan sinar cahaya untuk pendedahan seragam.
- Bagi pesakit psoriasis, sapu minyak mineral pada lesi kulit anda sebelum terdedah kepada cahaya. Ini akan mengurangkan kekeringan dan meningkatkan keberkesanan cahaya.
- Sila memberitahu kakitangan tentang kemerahan dan / atau kesakitan yang berlaku semasa rawatan anda. Di rumah, kompres sejuk dan aspirin adalah berguna untuk reaksi selaran matahari yang sederhana.
- Maklumkan kakitangan jika anda memulakan sebarang ubat-ubatan baru semasa rawatan anda, kerana ubat-ubatan tertentu mempunyai kesan terhadap sensitiviti anda kepada cahaya UV.
- Semua pesakit perlu menggunakan pelembap dengan kerap.
- Elakkan cahaya matahari tambahan pada hari rawatan untuk mencegah selaran matahari.
- Kanak-kanak yang menjalani UVB mesti ditemani oleh ibu bapa.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sumber maklumat sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan diagnosis dan rawatan profesional. Sila rujuk kepada doktor anda sebelum membuat apa-apa keputusan kesihatan atau mendapatkan panduan tentang penyakit tertentu.